

08 FEB 2003

Muhyiddin-SAR

PAS HARUS HORMATI INSTITUSI RAJA, KATA MUHYIDDIN

BUTTERWORTH, 8 Feb (Bernama) -- PAS harus menghormati sistem Raja Berperlembagaan dan tidak mengheret institusi itu ke dalam kancah politik sempit parti itu hanya kerana mahu mendapatkan sokongan untuk menjuarai isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negara ini.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata sebarang masalah mestilah dirujuk atau diselesaikan mengikut saluran yang sesuai dan tidak melibatkan Majlis Raja-raja dalam perjuangan mereka.

Katanya walaupun raja mempunyai kuasa sebagai ketua agama di negeri masing-masing, isu SAR lebih bertumpukan kepada soal pendidikan dan bukan agama itu sendiri.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa Umno Bahagian, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Tasek Gelugor di sini, beliau berkata PAS seharusnya tidak terburu-buru dalam isu SAR ini kerana banyak lagi yang belum dijelaskan oleh kerajaan berhubung perkara itu.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan penjelasan mengenai SAR dan tindakan kerajaan menghentikan bantuan kepada sekolah berkenaan pada 13 Feb ini dan semua persoalan akan terjawab selepas ini, katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan PAS yang cuba mendapatkan sokongan Majlis Raja-raja berhubung isu SAR ini dan setakat ini memorandum parti itu telah pun diserahkan kepada Sultan Terengganu manakala sebuah pertubuhan bukan kerajaan pula menemui Sultan Perak.

Bulan lalu, Ketua Pemuda PAS Pusat, Mahfuz Omar berkata PAS akan cuba meminta raja-raja memasukkan isu SAR dalam agenda persidangan Majlis Raja-raja Mac ini dan mahu majlis itu membuat keputusan mengarahkan kerajaan membatalkan arahan menutup SAR.

Muhyiddin berkata kerajaan bukan mahu menentang sistem SAR tetapi berusaha memperbaiki pendidikan agama di sekolah berkenaan yang selama ini menghadapi pelbagai kekurangan daripada segi guru terlatih, peralatan dan kurikulum yang sesuai.

"Kita sering baca dalam akhbar banyak SAR yang terbakar, tempat kediaman pelajar tidak sesuai, guru-gurunya tidak terlatih dan bergaji kecil. Jadi kerajaan mahu memperbaiki keadaan ini," katanya.

Katanya apa yang lebih bahaya ialah jika maklumat yang dipersembahkan kepada raja-raja oleh parti itu adalah tidak tepat memandangkan mereka sendiri tidak faham isu sebenar mengenai SAR.

"PAS cuba memperalatkan raja-raja dan mengambil kesempatan dan itu untuk tujuan politik mereka, kataya.

Muhyiddin berkata adalah lebih baik PAS mengemukakan pandangan mereka kepada kerajaan dan bukan kepada raja-raja kerana ini lebih kepada isu pentadbiran kerajaan dan bukan isu agama secara khusus.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin meminta anggota Umno supaya bekerja kuat untuk memastikan sokongan rakyat kepada pucuk pimpinan negara yang baru, terus padu.

Katanya semua pihak harus menerima baik sokongan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan memastikan peralihan kuasa itu tidak menjejaskan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya semua anggota parti harus berusaha memastikan kemenangan yang bakal dicapai kali ini lebih baik daripada sebelum ini dan sekaligus memberikan mandat yang cukup kuat kepada kepimpinan yang baru untuk terus menerajui negara.

-- BERNAMA

ZU LAT